

TAHAP PELAKSANAAN KEWAJIPAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN SEPERTI YANG DIPERUNTUKKAN DALAM AKTA  
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

MAHALATCHUMY RAMAN

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
pengamugeraan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2010

## **ABSTRAK**

Seksyen 29, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 mewajibkan perlantikan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (PKK) bagi pembinaan yang melebihi RM 20 juta sebagai salah satu kaedah mempraktikkan prinsip pengaturann sendiri dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja. PKK dikehendaki menjalankan kewajipan seperti yang diperuntukkan dalam AKKP 1994 dalam usaha untuk mengurangkan kadar insiden kemalangan pekerja di tapak bina. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan kewajipan SHO seperti yang diperuntukkan dalam AKKP dan mengenal pasti skop kerja SHO dalam organisasi kontraktor di tapak bina. Berikutan dengan kajian ini, 30 set borang soal selidik disediakan untuk dijawab oleh 30 orang SHO yang berdaftar di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang bertugas di tapak bina di sekitar Johor Bahru. Analisis kajian menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan kewajipan SHO adalah pada tahap yang sangat tinggi. Daripada kajian yang telah dijalankan, boleh disimpulkan bahawa SHO melaksanakan kewajipan mereka seperti yang diperuntukkan dalam AKKP 1994 bagi menjamin keselamatan dan kesihatan di tapak bina. Selain itu skop kerja yang paling kerap diamalkan oleh SHO untuk menjamin keselamatan di tapak pembinaan adalah menyediakan laporan keselamatan dan kesihatan setiap bulan supaya dapat memberi gambaran sebenar kepada organisasi kontraktor mengenai keselamatan dan kesihatan di sesuatu tapak pembinaan secara berkala. Walau bagaimanapun skop kerja yang lain masih dipraktikkan untuk menjamin keselamatan dan kesihatan di sesuatu tapak pembinaan.

## **ABSTRACT**

Section 29 of Occupational Safety and Health Act (OSHA) 1994, states that there must be a Safety and Health Officer (SHO) appointed for a construction work which cost exceeds RM 20 million and above. The Act states that such a method practices the self regulation principle in occupational safety and health management. The SHO is required to do his duty according to the provisions stated in the OSHA to ensure the safety and health aspects at work place. The objectives of this research were one; identify the level of implementation of duties of SHO according to the provision stated in Act; two, to identify the job scope of SHO in contractor's organizations. According to the objectives stated for the research, thirty sets of questionnaires were prepared to be answered by thirty SHO who were registered with the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) and work as SHO in construction projects around Johor Bahru. Mean and frequency analysis were used to analyse the data collected. The analysis showed that the level of implementing the obligations of SHO as required in Act was very high. Besides that, the research also showed the job scope that was frequently done by the SHO to ensure the safety and health at the construction site was preparing the monthly safety and health report. Any how, there are also other job scopes that were done by the SHO to ensure the safety and health at the construction sites.